

CNS2409

R GB 25-03 00209 BH029

bah

Mahathir-tindakan (dengan gambar)

KERAJAAN AKAN AMBIL TINDAKAN JIKA RANG UNDANG-UNDANG DIPERTIKAI

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang mempertikaikan kesahihan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 sehingga melanggar undang-undang.

"Kalau sesiapa mempertikaikan itu, kalau dia buat salah, dia tahulah samada kita ambil tindakan atau tidak," kata Perdana Menteri kepada pemberita di "rumah terbuka" sempena Hari Raya Aidil Fitri di Seri Perdana, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendirian Parti Semangat 46 yang masih tidak menerima rang undang-undang itu walaupun ianya telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Dr Mahathir berkata, isu pindaan perlembagaan itu yang bertujuan menghadkan kekebalan Raja-raja di sisi undang-undang sudah selesai dan tidak perlu dipertikaikan lagi kerana Sultan Azlan Shah telahpun memperkenankannya.

Selasa lalu, Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Mohammad Zahir Ismail berkata Sultan Azlan sudah menandatangani dan memulangkan rang undang-undang itu kepada Parlimen, Isnin lalu.

Ketika ditanya mengenai perkenan Sultan Azlan pada rang undang-undang itu, Dr Mahathir berkata: "Kita amat gembira dan amat bersyukur perkara ini telah selesai dengan selamat... tidak ada apa-apa gangguan, isu diselesaikan dengan cara yang baik." -- lagi

▼25/03/14-36MST

CNS2416

R GB 25-03 00142 BH032

bah

Mahathir-tindakan 2 Kuala Lumpur.

Mengenai pendirian Semangat 46 berkenaan rang undang-undang itu, Dr Mahathir berkata: "Semangat 46 ini ada beberapa orang sahaja...dia (anggota Semangat 46) adalah minoriti...orang panggil apa nama kadang-kadang sebagai "lunatic fringe" (pelampau)...ini memang terdapat pada mana-mana masyarakat pun."

Semalam, Menteri Undang-Undang Datuk Syed Hamid Albar berkata tidak ada pihak, termasuk raja, yang boleh mempertikaikan kesahihan rang undang-undang itu kerana pindaan itu dibuat mengikut prosedur.

Dr Mahathir juga berkata tentangan Sultan Kelantan terhadap rang undang-undang itu tidak mendatangkan apa-apa kesan.

Ketika ditanya samada suatu jangkamasa telah ditetapkan untuk mewartakan rang undang-undang itu, Dr Mahathir berkata, ia akan dilakukan secepat mungkin.

Ditanya bila prosedur mengenai pelaksanaan Mahkamah Khas akan disiapkan, Perdana Menteri berkata pihak yang dipertanggungjawabkan untuk tugas itu sedang membuat persediaan (untuk mengemukakan prosedur itu). -- lagi

▼25/03/14-55MST

CNS2420

R GB 25-03 00130 BH033

bah

Mahathir-tindakan 3 (akhir) Kuala Lumpur

Syed Hamid semalam berkata Ketua Hakim Negara akan merangka prosedur itu serta cara pelaksanaannya. Tetapi, ini tidak akan dibuat secara tergesa-gesa kerana ketika ini memang ada peruntukan mengenai cara pengendalian mahkamah.

(Mahkamah Khas itu diwujudkan bagi membicarakan raja yang melakukan kesalahan.)

Mengenai sambutan Hari Raya, Perdana Menteri berkata, sambutan pada tahun ini nampak meriah memandangkan bahawa ramai orang dari pelbagai lapisan masyarakat menghadiri "rumah terbuka" di Seri Perdana sejak pukul 10 pagi lagi.

"Makin ramai orang yang datang tiap-tiap tahun...60 peratus hingga 65 peratus yang datang pada hari ini adalah bukan Islam," kata beliau sambil menambah bahawa ramai umat Islam mungkin telah balik kampung untuk menyambut perayaan ini dengan keluarga mereka. -- Bernama